

**MASALAH PEMBELAJARAN SEJARAH:  
SATU KAJIAN TINDAKAN**

**TOR GEOK HWA**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2004**

## **PENGHARGAAN**

Kajian tindakan ini dapat dilaksanakan dengan tajaan geran Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Penyelidik juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah atas inisiatif untuk mewujudkan platform bagi projek kajian tindakan bersifat kolaboratif ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Cikgu Nashitah Bt. Saad yang sudi menjadi rakan kongsi penyelidikan, dan subjek penyelidikan dalam projek ini, serta pihak sekolah yang memberi kebenaran dan kerjasama untuk menjayakan projek kajian tindakan ini.

## ABSTRAK

Kajian tindakan (KT) kolaboratif antara penyelidik universiti (pensyarah pendidikan) dan penyelidik guru ini merupakan satu langkah ke arah perkongsian bestari antara kedua-dua pihak dalam hal *professional development* dan penambahbaikan P&P sejarah. Kajian ini bertitik-tolak daripada masalah pembelajaran sejarah sekumpulan pelajar (10 orang) dalam satu kelas. Perbincangan awal antara kedua-dua pihak telah mencapai konsensus tentang andaian bahawa punca masalah pembelajaran sejarah untuk pelajar-pelajar ini ialah mereka pasif dalam proses pembelajaran dan tidak mengalami proses penaakulan dan *deep learning*. Sehubungan itu, hasil daripada inkuiri secara *deliberate* oleh penyelidik ke atas *literature* teori pembelajaran umum dan teori pembelajaran sejarah, program intervensi dalam bentuk pembelajaran koperatif model STAD telah dikenal pasti dan dijalankan ke atas subjek kajian ini dalam *setting* P&P dalam bilik darjah (untuk mengelakkan *Hawthorne effect*). Program intervensi dijalankan dalam 3 lingkaran kerana usaha penambahbaikan dibuat berasaskan maklum balas daripada pelajar semasa pelaksanaan intervensi. Kesan intervensi dilihat dari segi perbandingan skor *pre-test* dan *post-test*, pemerhatian terhadap gerak balas pelajar semasa P&P, serta perubahan sikap terhadap subjek sejarah (pra dan pasca-intervensi). Skor *pre-test* dan *post-test* telah dianalisis untuk melihat peningkatan skor mentah di samping ujian-t berpasangan yang dijalankan untuk melihat signifikan perubahan skor yang tercatat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran koperatif sememangnya berkesan untuk mengatasi masalah pembelajaran sejarah dari segi mengingat fakta yang berpunca daripada kepasifan dan pembelajaran/penaakulan yang tidak mendalam di kalangan subjek kajian. Dari segi penglibatan semasa P&P, pemerhatian oleh penyelidik guru menunjukkan bahawa interaksi dan gerak balas subjek kajian dengan bahan pengajaran (buku teks), rakan sebaya dan guru turut jelas memperlihatkan perubahan. Selain itu, penyelidik turut menghuraikan refleksi kritikal yang dilalui sepanjang perancangan dan pelaksanaan KT ini, di samping penjelasan tentang orientasi KT ini.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	2
Tinjauan Awal	3
Objektif Kajian	4
Soalan Kajian	5
Kepentingan Kajian	6
Definisi Operasional	6
Limitasi dan Delimitasi Kajian	8
<b>BAB 2 SOROTAN KARYA BERKAITAN</b>	
Kerangka Teoretikal	
(Asas Penjelasan Masalah Kajian & Program Intervensi)	9
Sorotan Karya Tentang Kaedah Pembelajaran Koperatif	11
Kerangka Konseptual Tindakan	12
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	
Reka Bentuk Kajian	14
Subjek Kajian	15
Instrumen Kajian	15
Prosedur Kutipan Data	15
Kesahan Data & Interpretasi Data	16
<i>Transferability</i> Kajian ( <i>external validity</i> )	16
Batasan Kajian	17
<b>BAB 4 LAPORAN PELAKSANAAN KAJIAN TINDAKAN</b>	
Konteks Kajian	18
Struktur Pelaksanaan	19
Lingkaran Pertama	20
Lingkaran Kedua	27
Lingkaran Ketiga	33
Epilog	39
<b>BAB 5 REFLEKSI PENYELIDIK</b>	
Orientasi Kajian Tindakan dan Peranan Penyelidik Universiti	48
Peranan Penyelidik Guru	54
<b>BAB 6 KESIMPULAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI &amp; CADANGAN</b>	
Kesimpulan & Perbincangan	57
Implikasi & Cadangan	61
<b>Rujukan</b>	<b>63</b>

# Masalah Pembelajaran Sejarah: Satu Kajian Tindakan

## BAB SATU PENGENALAN

### Latar Belakang Kajian

Perkembangan kajian tindakan adalah selaras dengan anjakan paradigma dalam perbincangan tentang asas pengetahuan untuk pengajaran (*knowledge base for teaching*) yang kini memperlihatkan peralihan daripada model sistem mengajar yang bersifat preskriptif oleh ejen luar (penyelidik di universiti) dan dari domain ilmu di luar pendidikan seperti psikologi, sosiologi dan falsafah (Bruner, 1966), kepada pengetahuan tentang pengajaran dalam konteks bilik darjah yang bersifat kontekstual dan partikularistik, dijana oleh guru sendiri sebagai penyelidik (Doyle, 1989).

Usaha sama yang cuba dijalinkan antara penyelidik guru dan penyelidik dari kalangan pensyarah pendidikan merupakan satu langkah ke arah merapatkan jurang dan ketegangan antara guru sebagai pengamal profesional dan pensyarah pendidikan di universiti. Penglibatan dalam kajian tindakan akan memupuk amalan pemikiran reflektif secara kritis di kalangan guru dan seterusnya membina himpunan pengetahuan tentang pengajaran yang amat berguna untuk kerjaya mereka selanjutnya. Diskusi intelektual yang dibuat oleh kedua-dua pihak baik pada tahap awal untuk mengenal pasti masalah, penjelasan masalah mahupun pada tahap merancang tindakan intervensi, pelaksanaan tindakan, pemerhatian, pengumpulan data dan refleksi pula akan dapat menghasilkan sumber dan penemuan baru yang pasti dapat memperkaya *literature* berhubung dengan asas pengetahuan tentang pengajaran.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sejarah, masalah mengingat fakta dan menghuraikan fakta sememangnya merupakan satu perkara yang agak umum bagi pelajar dan juga guru sejarah, khususnya bagi pelajar yang lemah dari segi akademik ( NEA Today, November, 2003). Penyelesaian terbaik kepada masalah ini adalah spesifik mengikut kes dan amat susah untuk dibuat generalisasi daripada kes lain ataupun ke atas kes lain. Justeru, seperti yang ditegaskan di atas guru sebagai pengamal yang faham dengan dinamisme konteks bilik darjah dan pelajar perlu menjalankan kajian tindakan untuk merintis intervensi yang terbaik bagi membantu golongan pelajar yang mengalami masalah pembelajaran ini.

### **Penyataan Masalah**

Penyelidik guru telah mengajar subjek Sejarah untuk 10 tahun manakala penyelidik FSKP juga mempunyai pengalaman mengajar subjek Sejarah selama 12 tahun. Satu pengalaman yang dikongsi bersama oleh kedua-dua penyelidi guru dan penyelidik FSKP ialah sering kali terdapat pelajar yang menghadapi masalah dalam pembelajaran sejarah, khususnya dari segi keupayaan untuk mengingat fakta sejarah yang dipelajari. Masalah pembelajaran ini jugalah yang mengakibatkan mereka tidak dapat mencapai keputusan yang memuaskan dalam peperiksaan, baik peringkat sekolah mahupun peperiksaan awam seperti PMR dan SPM. Pengalaman yang dikongsi bersama inilah yang menjadi titik tolak untuk usaha sama kedua-dua pihak dalam projek kajian tindakan ini.

Memandangkan bahawa penyelidik guru masih lagi mengajar subjek sejarah di sekolah, justeru persetujuan telah dicapai untuk menjayakan satu projek kajian tindakan yang melibatkan perkongsian bestari antara dua *stakeholder* yang penting

dalam *educational enterprise*, iaitu guru dan pensyarah pendidikan dari universiti. Ini merupakan satu usaha ke arah merapatkan jurang antara teori dan praktis, di samping memupuk budaya kajian tindakan sebagai mekanisme *continous professional development* untuk meningkatkan profesionalisme guru.

### **Tinjauan Awal Untuk Memahami Masalah**

Berasaskan pemerhatian penyelidik guru, sekumpulan pelajar dari kelas 4P2 (2003) menghadapi masalah pembelajaran sejarah seperti yang disebutkan di atas. Penyelidik guru berasa terpenggil untuk melakukan sesuatu dari segi pihak beliau sebagai guru agar pelajar-pelajar ini dapat mempelajari subjek Sejarah secara lebih efektif dan seterusnya mencapai keputusan yang memuaskan dalam SPM tahun 2004.

Walau bagaimanapun, apabila sesi persekolahan 2004 bermula pada Januari 2004, terdapat perubahan dari segi penempatan kelas yang diajar oleh penyelidik guru. Kajian tindakan tidak dapat diteruskan ke atas sasaran subjek kajian yang dikenal pasti pada peringkat awal (hasil perbincangan kedua-dua pihak pada November 2003). Memandangkan penyelidik guru ditugaskan mengajar subjek Sejarah bagi kelas yang lain, Tingkatan 5P1, yang juga terdapat masalah pembelajaran sejarah di kalangan pelajarannya, maka persetujuan dicapai agar kajian tindakan dilakukan ke atas pelajar kelas ini.

Setelah perbincangan awal tentang rangka struktur projek kajian tindakan usaha sama penyelidik guru & penyelidik FSKP, penyelidik guru mula melakukan tinjauan yang lebih sistematik serta membuat refleksi secara bersama dengan penyelidik FSKP ke atas hasil tinjauan. Penyelidik guru telah mendapati bahawa 10 orang pelajar daripada kelas ini telah mendapat markah yang rendah bagi subjek

sejarah dalam peperiksaan akhir tahun yang lepas. Apabila diteliti skrip jawapan mereka, didapati bahawa mereka mengalami masalah untuk mengingat fakta-fakta sejarah. Melalui pemerhatian semasa P&P dalam kelas pula, penyelidik guru telah mendapati bahawa pelajar ini sebenarnya amat pasif semasa P&P dijalankan. Justeru, penyelidik guru bercadang untuk menyelidik masalah pembelajaran yang dihadapi oleh kumpulan pelajar ini agar dapat mengenal pasti dan menjalankan program intervensi tertentu dalam bentuk pendekatan P&P di bilik darjah. Semoga kajian tindakan yang dijalankan ini dapat membantu 10 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2004 ini, agar masalah pembelajaran mereka dapat diatasi dan mereka dapat menghadapi peperiksaan SPM dengan lebih yakin dan semoga mendapat keputusan yang memuaskan.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya objektif projek kajian tindakan secara kolaboratif ini dirancang untuk mereka bentuk satu cadangan metodologi intervensi P&P bagi membantu 10 pelajar yang agak lemah dalam kelas 5P1 mengatasi masalah pembelajaran mereka dalam subjek sejarah.

Berasaskan konsensus yang dicapai antara penyelidik universiti dan penyelidik guru untuk menerapkan strategi pembelajaran koperatif STAD, objektif khusus yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

- Mengkaji kesan strategi pembelajaran koperatif STAD terhadap pencapaian subjek kajian dalam ujian/peperiksaan sejarah;
- Mengkaji kesan strategi pembelajaran koperatif STAD terhadap sikap subjek kajian terhadap pembelajaran sejarah;

- Mengkaji penerimaan subjek kajian terhadap strategi pembelajaran koperatif STAD;

### **Soalan Kajian**

Kajian tindakan kolaboratif ini cuba menjawab soalan kajian berikut :

- Apakah kesan intervensi strategi pembelajaran koperatif STAD terhadap pencapaian dalam sejarah bagi subjek kajian?
- Adakah kesan strategi pembelajaran koperatif STAD terhadap sikap subjek kajian terhadap pembelajaran sejarah;
- Bagaimanakah penerimaan subjek kajian terhadap strategi pembelajaran koperatif STAD;

### **Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini adalah penting kerana dapat merintis jalan kepada guru dan pelajar ke arah strategi pembelajaran alternatif untuk mengatasi masalah pembelajaran dalam sejarah. Di samping itu, hasil kajian tindakan ini dapat menokok tambah kepada himpunan ilmu pengetahuan tentang strategi P&P sejarah , bagi konteks penyelidik guru tersebut ,dan juga bagi guru sejarah lain yang mungkin juga mengalami masalah yang seumpamanya. Tambahan lagi kajian tindakan yang bersifat kolaboratif ini dapat merintis jalan ke arah jalinan perkongsian bestari antara penyelidik universiti dan penyelidik guru untuk sama-sama memartabatkan profesion keguruan.

### **Definisi Operasional**

**Kajian Tindakan :** Kajian yang dijalankan oleh guru secara sendiri atau berkolaborasi dengan penyelidik luar, untuk menyelesaikan masalah pengajaran atau masalah pembelajaran dalam konteks sesebuah bilik darjah. Dalam kajian ini model kajian tindakan merupakan kolaborasi antara penyelidik guru dan penyelidik dari FSKP UUM, di bawah projek usaha sama FSKP dan JPN Kedah.

**Masalah Pembelajaran :** Masalah pembelajaran dalam kajian tindakan ini merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh 10 orang pelajar SP1 dalam pembelajaran Sejarah. Lebih spesifik lagi, tinjauan awal yang dijalankan oleh penyelidik guru mendapati bahawa masalah pembelajaran mereka adalah kelemahan dari segi mengingat fakta dan menghurai fakta sejarah semasa menjawab soalan esei sejarah yang berpunca daripada pemahaman yang *superficial* dan mungkin pula akibat tidak berlakunya komunikasi/interaksi sesama rakan mahupun dengan guru semasa proses P&P dan juga semasa ulang kaji di luar P&P.

**STAD (*Student Team Achievement Divisions*) :** STAD merupakan satu model strategi pembelajaran dalam bilik darjah yang mengaplikasikan konsep pembelajaran koperatif. Andaian asas untuk model pembelajaran STAD ialah pembelajaran yang berlaku dalam kumpulan yang heterogenous akan dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman terhadap isi pelajaran yang diajar, meningkatkan motivasi untuk terus berusaha demi mencapai kecemerlangan.

Langkah-langkah yang dicadangkan untuk strategi pembelajarn STAD adalah seperti berikut :

1. Guru mengajar sesuatu tajuk, dengan memperkenalkan fakta & tema utama;

2. Pelajar duduk dalam kumpulan heterogenous dari segi jantina, etnik, dan kebolehan akademik;
3. Lembaran kerja diedarkan kepada setiap kumpulan untuk diselesaikan dalam kumpulan;
4. Guru memantau perbincangan kumpulan;
5. Pelajar diberi kuiz berdasarkan isi pelajaran yang dipelajari pada hari itu;
6. Skor individu dikira dari segi skor peningkatan berbanding dengan skor dalam kuiz yang sebelumnya;
7. Skor kumpulan dikira dengan menjumlahkan skor peningkatan individu bagi setiap ahli kumpulan;
8. Kumpulan yang mencapai skor peningkatan keseluruhan yang tertinggi akan diberi ganjaran dalam bentuk hadiah;

Proses ini akan diulangi pada setiap sesi P&P dan sekali lagi apabila tamat pengajaran satu unit pelajaran, sebelum pelajar diberi posttest.

### **Limitasi dan Delimitasi Kajian**

Memandangkan kajian ini merupakan kajian tindakan, yang bersifat partikularistik untuk menyelesaikan masalah P&P dalam satu-satu konteks P&P yang spesifik, justeru penyelidik tidak berniat membuat sebarang generalisasi berasaskan dapatan kajian ini terhadap P&P sejarah secara umumnya. Dapatan kajian dan sebarang kesan dan perubahan yang diperhatikan dalam kajian ini adalah tertakluk kepada konteks kelas ini seperti bilangan pelajar yang agak ideal (21 orang), dan pelajar kelas peperiksaan (tingkatan 5).

Namun, sebagai langkah delimitasi agar hasil dapatan kajian ini dapat membawa manfaat yang lebih untuk menambahkan himpunan *knowledge-base* tentang P&P

sejarah bersifat *practical-wisdom* yang dapat dikongsikan oleh warga guru sejarah secara khususnya, dan warga guru secara amnya, penyelidik cuba untuk membuat laporan yang lebih terperinci dari segi konteks kajian. Dengan cara ini, mungkin *transferability* kajian tindakan ini dapat dipertingkatkan.

## **BAB DUA SOROTAN KARYA BERKAITAN**

### **Kerangka Teoretikal : Asas Penjelasan Masalah Kajian & Program Intervensi**

Dalam penulisan berhubung dengan P&P Sejarah, literasi sejarah dikatakan merangkumi 3 dimensi utama iaitu pengetahuan fakta sejarah, penaakulan sejarah, dan kemahiran berkomunikasi untuk mengongsikan pengetahuan sejarah dan penaakulan sejarah dengan orang lain ( Drake,1997). Kajian tentang proses pembelajaran dan pemikiran manusia pula menegaskan bahawa penguasaan pengetahuan baru dan pengekalan pengetahuan baru dalam ingatan menuntut supaya pemerolehan pengetahuan dilakukan melalui pelbagai deria; adanya latihan tubi; melibatkan pengetahuan yang bermakna dan dapat dikaitkan dengan pengetahuan sedia ada ( Bransford, et al, 1999). Dalam kes subjek kajian ini, masalah pembelajaran dari segi mengingat fakta, dan menghurai fakta amatlah berkaitan dengan tahap pemahaman pelajar terhadap konten sejarah yang diajar. Fakta sejarah yang diajar oleh guru diingat secara berasingan tanpa melalui pemprosesan minda. Hal ini berlaku kerana subjek kajian bersifat pasif dan tidak melibatkan diri dalam perbincangan dengan orang lain, mengakibatkan proses penaakulan tidak berlaku dan tahap pemahaman mereka terhadap isi pelajaran sejarah adalah pada tahap *superficial*.

Sehubungan itu, Slavin (1987) mencadangkan 2 perspektif teori yang dapat dikaitkan dengan kesan positif pembelajaran koperatif iaitu teori motivasi dan teori kognitif. Dari perspektif motivasi, penetapan gol secara koperatif seperti dalam

pembelajaran koperatif mewujudkan satu situasi di mana setiap ahli kumpulan akan hanya dapat mencapai matlamat peribadi sekiranya kumpulannya berjaya (Slavin, 1990). Justeru, demi mencapai matlamat peribadi, pelajar akan cuba memberi galakan

kepada rakan-rakan sekumpulan serta membantu mereka agar kumpulan mereka akan

berjaya.

Dari perspektif kognitif pula, 2 teori dapat digunakan untuk menjelaskan kesan pembelajaran koperatif, iaitu teori perkembangan (developmental) dan teori elaborasi (elaboration) (Slavin, 1987). Teori developmental mengandaikan bahawa interaksi sesama pelajar dalam menjalankan tugas yang bersesuaian akan dapat meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap konsep-konsep penting (Damon, 1987). Hal ini kerana melalui proses interaksi dengan pelajar lain, pelajar akan terpaksa menerangkan dan membincangkan perspektif masing-masing terhadap sesuatu tajuk/isu, dan ini seterusnya membawa kepada peningkatan penguasaan mereka terhadap apa yang mereka pelajari. Di samping itu, usaha untuk menyelesaikan percanggahan pendapat yang mungkin timbul semasa perbincangan mereka turut mengakibatkan peningkatan tahap pemahaman terhadap konten yang dipelajari.

Penjelasan dari perspektif teori elaborasi pula menekankan bahawa salah satu cara pembelajaran yang paling berkesan adalah untuk menerangkan bahan yang dipelajari kepada orang lain. Aktivi pembelajaran koperatif seperti model STAD akan menggalakkan pemikiran elaboratif dan meningkatkan kekerapan memberi dan

menerima penjelasan, justeru dipercayai berpotensi untuk menambahkan tahap pemahaman, kualiti penaaakulan, the meningkatkan tahap ketepatan ingatan jangka panjang ( Johnson, Johnson, & Holubec, 1986).


### **Sorotan Karya Tentang Kaedah Pembelajaran Koperatif**

Beberapa kajian telah menyelidiki kesan kaedah pembelajaran koperatif terhadap pembelajaran pelajar. Antaranya, Humphreys, Johnson, dan Johnson ( 1982) membuat perbandingan strategi pembelajaran secara koperatif, kompetitif, dan individulistik dalam pembelajaran Sains. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar yang diajar dengan kaedah koperatif dapat mengingat dan mengekalkan ingatan tentang lebih banyak maklumat yang dipelajari, berbanding dengan pelajar yang belajar secara kompetitif dan individulistik. Dalam hal ini juga, Sherman dan Thomas (1986) turut mendapat hasil dapatan yang serupa dalam kajian mereka yang dijalankan ke atas pembelajaran matematik moden di sekolah menengah atas. Allen dan Van Sickle (1984) dalam satu kajian eksperimental di kalangan pelajar lemah pencapaian akademik, menggunakan Model Pengajaran STAD sebagai rawatan, dan mendapati bahawa pelajar lemah yang diajar berasaskan model STAD mendapat skor yang lebih tinggi dalam ujian subjek Geografi Dunia.

Sebagai rumusan, meta-analisis yang dilakukan oleh Johnson, Maruyama, Johnson, nelson, dan Skon ( 1981) ke atas 122 kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa terdapat bukti yang kukuh tentang kelebihan pembelajaran koperatif berbanding dengan pendekatan lain yang bersifat kompetitif dan individulistik, dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

## Kerangka Konseptual Tindakan


Secara keseluruhannya, kajian tindakan ini bertitik tolak daripada andaian bahawa masalah pembelajaran pelajar ada kaitannya (walaupun bukan sepenuhnya) dengan strategi P&P yang digunakan dalam bilik darjah. Justeru, guru dapat membantu menyelesaikan/mengurangkan masalah pembelajaran pelajar dengan membuat intervensi yang bersesuaian dari segi pendekatan P&P di bilik darjah.



**Rajah 1: Andaian Asas Kajian Tindakan**

Berhubung dengan program intervensi yang digunakan dalam kajian tindakan

ini, andaian dasarnya adalah seperti berikut :




**Rajah 2: Andaian Asas Program Intervensi Dalam Kajian Tindakan ini**

## BAB TIGA METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian tindakan ini dijalankan mengikut gelung kajian tindakan Kurt Lewin seperti berikut :



**Rajah 3: Model Kajian Tindakan**

Projek KT ini telah berlangsung selama empat bulan (Mac hingga Jun 2004) melalui tiga lingkaran intervensi sebelum mencapai matlamat yang disasarkan.

## **Subjek Kajian**

Kajian tindakan ini berfokus kepada 10 orang pelajar 5P1 yang menghadapi masalah pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah.

## **Instrumen Kajian**

Subjek kajian diberi *pretest* dan *post-test*, iaitu ujian sumatif (seperti ujian bulanan ) yang diberi selepas tamatnya pengajaran satu unit pelajaran. Soalan dalam pretest tidak sama dengan soalan posttest kerana menguji konten pelajaran yang berbeza. Untuk memperlihatkan ketekalan kesan intervensi, intervensi dilaksanakan untuk tiga topik pelajaran, dan melibatkan 3 posttest yang berbeza. Satu temu bual berstruktur diadakan dengan 10 orang subjek kajian selepas program intervensi untuk meninjau dengan lebih mendalam tentang penerimaan mereka terhadap strategi pembelajaran STAD. Selain itu, penyelidik guru juga mencatatkan pemerhatian yang dirasakan *salient* semasa P&P/pelaksanaan intervensi di bilik darjah.

## **Prosedur Kutipan Data**

Untuk mengelakkan *Hawthorne effect* ke atas subjek kajian yang akan menjejaskan *external validity*, semasa pelaksanaan program intervensi, 10 orang subjek kajian diletakkan dalam *setting* bilik darjah seperti biasa. Ini bermakna semua pelajar dalam kelas 5 P1 telah melibatkan diri dalam strategi STAD semasa P&P sejarah bersama-sama dengan 10 subjek kajian ini. Namun, hanya data skor *pretest* dan *post-test* bagi subjek kajian dianalisis dan dilaporkan. Selain itu, temu bual berstruktur secara individu telah dibuat bersama 10 orang subjek kajian oleh kedua-dua penyelidik selepas program intervensi.

## **Kesahan Data & Interpretasi Data**